



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Imigresen (Pindaan) 1971
DR.93/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Ordinan Imigresen, 1959.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Imigresen (Pindaan), 1971.

Tajuk
ringkas.

2. Sekshen 3 Ordinan Imigresen, 1959 (kemudian daripada ini di-sebut "Ordinan itu") ada-lah dengan ini di-pinda—

Pindaan
bagi
sekshen 3.
12/59.

(a) dengan memasukkan sa-lepas sahaja perkataan "Director General of Immigration" dalam sekshen-kecil (1) perkataan "a Deputy Director of Immigration";

(b) dengan memasukkan sa-lepas sahaja perkataan "Deputy Directors," dalam sekshen-kecil (1) perkataan "Principal Assistant Directors,";

(c) dengan menggantikan sekshen-kecil (3) (a) dengan yang berikut—

"(a) the Deputy Director General of Immigration or a Deputy Director; and"; dan

(d) dengan memasukkan sa-belum sahaja perkataan "Senior Assistant Director" dalam sekshen-kecil (3) (b) perkataan "Principal Assistant Director,".

3. Sekshen 5 (1) Ordinan itu ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasukkan perkataan "or leave" antara perkataan "enter" dengan perkataan "the Federation".

Pindaan
bagi
sekshen 5.

Pindaan
bagi
sekshen 8.

4. Sekshen 8 (4) Ordinan itu ada-lah dengan ini di-pinda dengan memotong ayat yang akhir itu.

Pindaan
bagi
sekshen 26.

5. Sekshen 26 (1) Ordinan itu ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasukkan sa-lepas sahaja perkataan "such post" perkataan "and shall, if required, produce particulars in such form as may be prescribed".

Pindaan
bagi
sekshen 35.

6. Sekshen 35 Ordinan itu ada-lah dengan ini di-pinda dengan menggantikan perkataan "fourteen" dengan perkataan "thirty".

Peman-
sokhan
perenggan
2.

7. Perenggan 2 Peratoran² Perlu (Mengubahsuai Undang² Imigresen), 1969 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

P.U. (A)
238/69.

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk meminda peruntokan² tertentu dalam Ordinan Imigresen, 1959.

Ada-lah di-chadangkan supaya Ketua Pengarah di-bantu oleh sa-orang Timbalan Ketua Pengarah dengan mempunyai kuasa² dan tugas² Pengarah. Oleh yang demikian perenggan (a) dan (c) *Fasal 2* dalam Rang Undang² ini ada-lah mengadakan peruntokan bagi maksud itu manakala perenggan (b) pula mengadakan peruntokan supaya bilangan jawatan Ketua Penolong Pengarah di-tambah; (perenggan (d) ada-lah berbangkit daripada perenggan (b)).

Pindaan kapada sekshen 5 ia-lah untuk melarang sa-saorang daripada meninggalkan Persekutuan di-mana² tempat melainkan di-tempat pendaratan, lapangan terbang atau tempat masok yang di-benarkan sahaja (*Fasal 3*).

Hasil dari pindaan kapada sekshen 8 itu, Pengawal tidak lagi di-kehendaki memberitahu sa-saorang imigeran larangan di-bawah mana satu-kah golongan orang² yang tersebut dalam sekshen 8 (3) (*Fasal 4*) yang ia termasuk.

Sekshen 26 ada-lah di-pinda supaya sa-saorang yang masok ka-dalam Persekutuan mengikut jalan darat mengemukakan butir² dalam suatu borang yang di-tetapkan jika sa-kira-nya di-kehendaki berbuat demikian oleh sa-orang pegawai imigresen (*Fasal 5*).

Pindaan kapada sekshen 35 ia-lah untuk menambahkan tempoh tahanan dari empat belas hari kapada tiga puluh hari (*Fasal 6*).

Rang Undang² ini juga bertujuan untuk memansokhkan perenggan 2 Peratoran² Perlu (Mengubahsuai Undang² Imigresen), 1959 yang di-buat oleh Pengarah Gerakan bagi maksud mengadakan ubahsuaian² yang sa-umpama itu kapada peruntokan² sekshen 5, 8, 26 dan 35 Ordinan Imigresen, 1959 yang tersebut di-atas itu. [PN. (U²) 141.]